



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	29/3/2021	MUKA SURAT	: 24
JABATAN	:	KeTSA / YBTM / JPSPM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Lahir malim gunung berkualiti

Harian Metro 29/3/2021 m/s 24

KeTSA anjur pelbagai program latihan, peruntuk RM9 juta untuk tingkat kemahiran penunjuk arah



Ali Biju dan Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal), JPSPM Mohd Rahim Rani mendaki Gunung Irau ketika mengadakan lawatan ke Mossy Forest dan gunung itu kelmarin.

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

Cameron Highlands

Kementrian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menyedai peruntukan sebanyak RM9 juta untuk mengadakan program latihan bagi meningkatkan kemahiran Malim Gunung Perhutanan (MGP).

Timbalan Menterinya, Ali Biju berkata, kerajaan mengiktiraf profesional MGP yang akan menjadi penggiat aktiviti pelancongan kembara di negara ini sebagai profesion alternatif golongan belia termasuk masyarakat Orang Asli.

“Latihan semula atau reskill dan upskill akan diadakan secara berperingkat”
Ali Biju

Menurutnya, kursus MGP akan dikendalikan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSPM) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Katanya, sebanyak 20 siri kursus untuk MGP akan diadakan pada tahun ini. “Latihan semula atau reskill dan upskill akan diadakan secara berperingkat dengan harapan semua MGP memiliki kemahiran yang lengkap ketika membawa pelancong mendaki.

“Saya diahankan terdapat lebih 3,000 orang sudah berdaftar untuk menyertai kursus itu yang akan diadakan di beberapa negeri,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke Mossy Forest dan Gunung Irau di sini, kelmarin. Beliau berkata, latihan ekopelancongan turut membabitkan agensi dibawah KeTSA seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) yang memiliki kepakaran masing-masing.